

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 2000/2001

September/Oktober 2000

HKN 308 - Kesusasteraan Nusantara II: Aspek Pensejarahan

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] lagi daripada Bahagian B. SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A:

1. Karya R. O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, telah dikritik di atas kekurangan-kekurangannya. Bincangkan pandangan sarjana-sarjana tempatan tentang kekurangan-kekurangan tadi dan jelaskan sejauh mana usaha untuk memperbaiki akan kelemahan-kelemahan ini telah dijalankan oleh penulis-penulis tempatan sendiri.
2. Apakah yang anda fahamkan dengan istilah kepengarangan? Bincangkan corak kepengarangan yang dapat anda rumuskan daripada hasil-hasil kesusasteraan Melayu tradisional.
3. Meneliti persoalan genre dalam kesusasteraan Melayu tradisional, kita menemui beberapa pandangan tentangnya daripada penulis orientalis dan sarjana tempatan. Bincangkan dengan kritis sejauh manakah pandangan mereka itu menyumbangkan kepada persoalan berkaitan?
4. Filologi pada dasarnya amat penting dalam melaksanakan penulisan sejarah kesusasteraan Melayu tradisional. Walau bagaimanapun disebabkan oleh faktor-faktor tertentu, usaha ini berjalan dengan lembab. Bincangkan kemanfaatan filologi dan kemudian kemukakan satu alternatif bagi menulis sebuah sejarah kesusasteraan tradisional Melayu.

Bahagian B:

5. Bincangkan empat (4) masalah utama yang sering menyulitkan usaha untuk membentuk sejarah kesusasteraan Melayu moden. Apakah saranan-saranan anda bagi mengatasi masalah-masalah tersebut?
6. Sejarah kemunculan kesusasteraan Melayu moden umumnya dikatakan bermula dengan Munsyi Abdullah. Bincangkan perubahan-perubahan yang dibawa oleh Munsyi Abdullah dalam penulisannya dan bagaimana reaksi sarjana Barat dan tempatan terhadap perubahan-perubahan tersebut?
7. Kenapakah kewujudan “angkatan” penting dalam sejarah kesusasteraan? Kemukakan satu hujah kritis untuk mewajarkan kepentingan ASAS 50 dalam sejarah kesusasteraan moden Malaysia **atau** Angkatan 45 dalam sejarah kesusasteraan moden di Indonesia.
8. Bincangkan sifat-sifat kritikan yang wujud dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden dan sejauh manakah anda fikir kritikan tersebut menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan pada masa hadapan?